



Manifestasi Minda Masyarakat Semai Melalui Bahasa Kiasan: Satu Analisis

Aminuddin bin Mohamed, Mohd Rasdi bin Saamah, Fauzi bin Hasan, Achom Luji
Pusat Kecemerlangan Pedagogi Peribumi Kebangsaan, IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis Pahang.

Article Info

Received:
14 September 2019

Accepted:
25 September 2019

Publish
01 September 2020

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Masyarakat Orang Asli kaya dengan nilai budaya, kesenian dan bahasa yang tersendiri dan menjadi simbol kepada kewujudan mereka. Masyarakat Orang Asli juga kaya dengan tradisi lisan dalam bentuk yang tersendiri dan unik. Segala pengalaman, pengetahuan dan kemahiran dengan alam sekeliling telah diterjemahkan melalui bahasa kiasan. Bahasa kiasan yang diungkapkan ini mencakupi nilai-nilai hidup masyarakat yang berkaitan kehidupan seharian yang cukup harmonis sifat alamiahnya. Sebagai artifak non material yang bukan sahaja menggambarkan sesuatu secara tersiratnya tetapi juga mencerminkan peradaban masyarakat Orang Asli yang diolah dalam kepelbagaian makna dan fungsi dalam budayanya. Bahasa kiasan sebenarnya mencerminkan peradaban masyarakat Orang Asli yang disimpan dalam minda. Justeru, apa yang tersimpan dalam minda melalui pengolahan dengan unsur alam ini telah membentuk interaksi antara manusia dan manusia serta alam yang membawa kepada suasana yang harmonis dan sejahtera. Oleh itu tulisan ini melihat tentang manifestasi minda masyarakat Orang Asli melalui bahasa kiasan yang mengambil thamsil ibarat serta inspirasi alam kehidupan yang diasmilasi dalam kehidupan seharian sebagai satu nilai didaktif dalam membentuk kehidupan berbudaya.

Kata kunci: minda, bahasa kiasan, alam dan budaya, masyarakat.

Pendahuluan.

Hakikatnya bahasa tidak wujud dengan sendiri, tetapi memerlukan orang untuk mewujudkannya. Bagi orang yang menggunakan bahasa tidak boleh hidup bersendirian tetapi memerlukan orang lain untuk meneruskan kehidupan dan meneruskan kewujudan bahasa. Penggunaan bahasa oleh ahli-ahli bahasa disalurkan melalui pertuturan, iaitu lisan dan tulisan. Dalam hal ini, merujuk kepada masyarakat orang asli turut mempunyai bahasa dan berusaha meneruskan kewujudan bahasa melalui anggota dalam sukunya. Kebanyakan masyarakat orang asli ini berada di pedalaman dengan mengamalkan budaya, adat resam dan bahasa yang tersendiri. Masyarakat orang asli di Semenanjung Malaysia dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Setiap suku kau mini mempunyai perbezaan dari aspek bahasa, tetapi dari aspek kegiatan ekonomi dan budaya hampir sama, iaitu mendapat sumber dari hutan, memburu dan sebagainya.

Dalam aspek bahasa, kumpulan masyarakat orang asli mempunyai dialek dan penggunaan bahasa yang berbeza berdasarkan suku kaum mereka. Sebagai contoh, dialek Semai dituturkan oleh sebahagian daripada kumpulan bahasa Austro-Asia, bagi kumpulan Melayu Proto, seperti dialek Temuan adalah sebahagian daripada kumpulan bahasa

Austronesia. Majoriti suku kaum orang asli bertutur dalam bahasa orang asli mereka yang difahami dalam kalangan mereka sahaja (Zalizan Mohd Jelas, 2009). Masyarakat orang asli dilihat memiliki kreativiti dan sensitivity tersendiri dalam mewujudkan bahasa dengan menghasilkan pelbagai bahasa kiasan sama ada berbentuk peribahasa, pantun, tarian dan lagu-lagu nyanyian. Antara aspek yang menarik dan jarang diperkatakan adalah mengenai bahasa kiasan.

Bahasa kiasan merupakan satu artifak budaya bukan benda yang digunakan dalam kehidupan masyarakat Orang Asli Semai serta mempunyai pelbagai makna dan fungsi dalam kehidupan masyarakat mereka. Bahasa kiasan ini mencerminkan peradaban masyarakat Orang Asli yang dizahirkan melalui pencernaan minda iaitu kemampuan menggunakan minda hasil daripada interaksi alam persekitaran yang meliputi manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang terjalin secara harmonis. Daya fikir manusia mengolah peradaban yang berkaitan adat resam, nilai hidup secara sopan santun serta naluri jiwa yang dipancarkan melalui minda hasil pengolahan melalui pelbagai indera. Peradaban yang lahir secara harmonis adalah hasil interaksi kemampuan minda yang dikurniakan Allah S.W.T untuk membolehkan manusia membina alam sekitarnya sendiri melalui peraturan budaya yang disandarkan melalui interaksi dengan alam sekitar. Maka dalam konteks bahasa kiasan ini, sudah tentu peranan alam sekitar tidak boleh diperkecilkan kerana alam ini menjadi ilham kepada minda dalam membentuk bahasa kiasan yang mengambil thamsil dan ibarat hasil daripada pengamatan yang berlaku kepada alam.

Kenyataan kehidupan membuktikan bahawa manusia tidak mampu untuk hidup bersendirian. Manusia perlu berinteraksi dengan manusia lain serta alam sekeliling. Manusia memerlukan kerjasama, tolong-menolong dan saling tegur-menegur. Firman Allah dalam surah Al-Hujarat (13) yang bermaksud;

Wahai umat manusia !. Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan Kamu berbangsa-bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan dan beramah mesra antara satu dengan yang lain. Sesungguhnya semulia-mulia di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu.

Secara kolektif dengan gambaran minda bahawa manusia mampu untuk menghadapi pelbagai cabaran dari luar dan dalam melalui budaya fikir dan budaya tindak yang dipelajari melalui alam dalam mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan di ruang lingkup kehidupan masyarakat manusia. Maka dalam kertas kerja ini, manifestasi minda masyarakat Orang Asli digambarkan melalui bahasa kiasan yang mempunyai sistem nilai tertinggi yang mendasari hubungan sosial dalam membentuk perlakuan yang halus,berhati mulia, bijak sana, beradab serta bersopan. Jika ditegur, disapa dan sebagainya dilambangkan secara sopan dan tertib yang berfungsi sebagai nasihat, kritikan atau aturan tingkah laku.

i. Bahasa Kiasan sebagai gambaran aktiviti budaya.

Dalam penciptaan puisi, masyarakat orang asli tidak terkecuali mengungkapkan pelbagai bahasa kiasan dan simbol yang dikutip daripada pemerhatian terhadap alam. Gaya bahasa kiasan juga dikenali sebagai bahasa figuratif atau pengarang di Indonesia menamakannya sebagai majas (Maniyamin Haji Ibrahim, 2008, p. 42). Herman J. Waluyu (1995, p. 83-89), membahagikan gaya bahasa kiasan kepada kiasan dan perlambangan. Gaya bahasa kiasan terdiri daripada metafora, perbandingan, personifikasi, hiperbola, ironi dan sinekdoki. Bagi jenis perlambangan pula diperincikan kepada warna, lambang benda, lambang bunyi dan suasana. Gorys Keraf (1994, p. 136-145) menyatakan bahasa kiasan terdiri daripada simile, metafora, alegori, alusi, personifikasi, eponim, epitet, sinekdoki, ironi, sinis, sakasme, satire,

antonomasia, hipalase, innuendo, antifrasis dan paronomasia. Menurut Keris Mas (1990, p. 131), gaya bahasa kiasan ini berperanan untuk menghidupkan suasana, perasaan, minat, situasi serta memperluaskan rasa dan sensitiviti tentang makna kata atau ungkapan. Ciptaan bahasa kiasan dilakukan oleh penutur-penutur bahasa dalam kehidupan seharian melalui pemerhatian tingkah laku negatif yang berlaku dalam masyarakat untuk dijadikan teladan (Suppiah Nachiappan, 2014, p. 30).

Gaya bahasa kiasan yang diungkapkan mengambil pelbagai sumber alam sebagai bahasa kiasannya. Pengambilan sumber alam ini sangat sesuai dengan sesuatu yang ingin disampaikan. Hal ini disebabkan alam merupakan sebahagian daripada kehidupan masyarakat. Masyarakat Melayu turut menjadikan alam sebagai sumber untuk melakukan pekerjaan, membina pengalaman, memberi pengajaran dan menyalurkan kebajikan. Selain itu, masyarakat Melayu begitu sensitif terhadap persekitaran, kejadian atau peristiwa yang berlaku di sekeliling kehidupan mereka. Setiap unsur kejadian alam baik tanah, angin atau udara, jenis-jenis tumbuhan, air dan sebagainya memberi manfaat kepada kehidupan manusia (Naffi Mat, 2013, p. 92). Dalam hubungan yang kreatif ini sudah tentu memerlukan manusia mentafsir dalam bentuk nilai yang baik, nilai kegunaan, nilai logika yang dapat diterima oleh akal. Nilai yang diungkapkan berbentuk positif mahupun negatif digambarkan secara kiasan tetapi penuh bermakna. Tidak ada unsur-unsur perlakuan negatif pada haiwan digambarkan kepada kecantikan seseorang.

Masyarakat orang asli melihat kecantikan wanita sebagai sesuatu yang bersifat halus dan ini disampaikan melalui tumbuh-tumbuhan seperti isi batang pisang, isi ubi atau bunga pokok bayas. Namun jika dilihat dari sikap yang positif dan negatif dalam bahasa kiasan ini, terdapat juga sikap positif yang digambarkan melalui haiwan iaitu ayam (*raha-pok*)- macam ayam yang bermaksud sangat rajin. Masyarakat Asli Semai menganggap ayam sebagai haiwan yang sangat rajin kerana pada awal pagi telah keluar mencari rezeki. Manakala dari segi sifat negatif, terdapat beberapa contoh yang menunjukkan sifat negatif yang disandarkan kepada sifat haiwan. Contoh *rah greit chak ma-i-pangkal* yang membawa maksud anai-anai makan hingga ke akar. Gambaran ini biasanya memberikan contoh suka mengikis harta atau wang mak bapa atau keluarga.

Dalam bahasa kiasan ini, terdapat 77 ayat yang mengaitkan gambaran secara langsung berkaitan perlakuan manusia, penggunaan haiwan disebut sebanyak 48 kali, tumbuh-tumbuhan 18 kali serta yang berkaitan alam sebanyak 7 kali. Untuk mengungkapkan nilai-nilai ini, huraian lanjut tentang bahasa kiasan sebagai gambaran minda masyarakat Orang Asli Lembah Jelai ini menumpukan kepada unsur-unsur alam seperti haiwan, manusia, tumbuh-tumbuhan, persekitaran mengikut fungsinya seperti tahap kemasakan buah, ukuran dan keluasan, kecantikan wanita, sifat manusia, jarak dan masa, kepimpinan, sumpahan, adat dan kepercayaan dibincangkan dengan mendalam melalui manifestasi minda masyarakat Orang Asli Semai dijelaskan melalui simbol atau perlambangan berikut;

Tahap kemasakan buah

Bahasa kiasan yang menggambarkan tahap kemasakan buah khususnya berkaitan hasil tanaman atau sumber makanan mereka. Haiwan yang menjadi perumpamaan biasanya haiwan peliharaan ataupun yang bukan peliharaan seperti kijang, rusa, serangga dan sebagainya. Bahasa kiasan yang digambarkan ini berdasarkan warna yang terdapat pada haiwan untuk menentukan kemasakan buah-buahan sama ada boleh dipetik atau tidak (tahap matang). Berdasarkan tahap kemasakan buah, bahasa kiasan ini telah menggambarkan seperti berikut:

Bahasa Kiasan	Makna	Keterangan
<i>Begei celun rau</i>	<i>Belakang nera</i>	Menunjukkan buah rambutan yang hampir masak atau mengkar, bahasa kiasan sebagai bandingan secara langsung iaitu belakang nera (<i>celun rau</i>) dilambangkannya. Dalam konteks kemasakan buah ialah merujuk kepada bulu di belakang nera yang berwarna seakan-akan hijau kekuningan jika dilihat daripada jarak tertentu. Bandingan bulu nera ini seumpama buah rambutan yang masih hijau kekuningan dan belum boleh dipetik kerana tidak cukup masak dan kelat untuk dimakan.
<i>Ket jelor</i>	<i>Perut lintah</i>	Kata kiasan <i>ket jelor</i> merujuk kepada warna hijau kekuningan bahagian perut lintah berbanding bahagian belakangnya yang berwarna hijau kehitaman. Dalam konteks kemasakan buah rambutan, pada tahap <i>ket jelor</i> atau <i>celun rau</i> masih belum boleh dipetik. Isi pun berasa pahit atau keras.
<i>Bhip kap</i>	<i>Darah ikan</i>	<i>Bhip kap</i> merujuk kepada rambutan yang berwarna kemerah-merahan dan boleh dipetik dan dari segi tahap kemasakan buah adalah tinggi berbanding <i>ket jelor</i> atau <i>celun rau</i> .
<i>Celut tajuk</i>	<i>Belakang ular</i>	<i>Celut tajuk</i> pula menggambarkan warna pisang yang hampir masak atau yang sudah matang.
<i>Kit ot</i>	<i>Pinggang tebulan</i>	<i>Kit ot</i> pula membawa maksud warna buah pinang yang kekuningan yang menyamai perut tebulan yang sudah hampir masak namun belum boleh dipetik sepenuhnya.
<i>Sentak kak</i>	<i>Ekor ikan</i>	<i>Sentak kak</i> pula membawa pengertian kepada buah padi yang mula menguning

Bagi masyarakat Semai, semua perlambangan bahasa kiasan yang digunakan ini membawa kepada dua pengertian atau nilai kepada masyarakat iaitu menyatakan bahawa buah-buahan atau hasil tanaman hampir masak dan yang keduanya memberikan pengertian bahawa hasil tanaman atau buah-buahan belum boleh dipetik atau masih belum boleh dimakan kerana tidak masak sepenuhnya. Seterusnya gambaran aktiviti budaya dalam bahasa kiasan ini dapat dilihat dalam aktiviti mengukur jarak, masa serta keluasan yang berkaitan pertanian, pembinaan rumah dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat melalui bahasa kiasan berikut;

Aspek jarak, masa dan keluasan

Bahasa kiasan yang digunakan masih bersimbolkan pergerakan haiwan dan ditambah dengan penggunaan tumbuh-tumbuhan serta bahan-bahan alam yang lain. Bahasa kiasan yang digunakan bagi menggambarkan ukuran bagi rumah, tanah ladang dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat melalui bahasa kiasan seperti berikut;

Bahasa Kiasan	Makna	Keterangan
<i>Marha-woc-dog</i>	<i>Sebesar pusar beruk</i>	Bahasa kiasan <i>marha woc-dog</i> atau sebesar pusar beruk ini digunakan bagi menyatakan ukuran keluasan tanah yang sempit.
<i>Marha seningkang rau</i>	<i>Seluas sekangkang kera</i>	Begitu juga penggunaan bahasa kiasan <i>Marha seningkang rau</i> yang juga membawa maksud keluasan tanah yang sempit
<i>Ensop cep</i>	<i>Sarang burung</i>	<i>Ensop cep</i> atau sarang burung membawa gambaran kepada ukuran rumah yang kecil, sempit dan tidak sempurna untuk didiami oleh sebuah keluarga yang besar.
<i>Kadoq cok</i>	<i>Kaki anjing</i>	Analogi <i>kadoq cok</i> digunakan bagi menggambarkan tinggi atau rendah tiang sesebuah rumah. Kaki anjing membawa kiasan tentang pembinaan rumah yang bertiang satu kaki atau setengah kaki dari tanah.
<i>Deg-puk</i>	<i>Reban ayam</i>	Bahasa kiasan <i>deg-puk</i> atau <i>reban ayam</i> merujuk kepada kualiti rumah yang dibina atau tidak mempunyai kepakaran dalam pembinaan rumah secara sempurna.
<i>Nelumpat rosak</i>	<i>Lompatan rusa</i>	<i>Nelumpat rusa</i> atau <i>lompatan rusa</i> merujuk kepada pembukaan atau pembersihan kawasan ladang atau kebun yang baru dibuka melalui pembakaran kawasan tersebut yang tidak hangus sepenuhnya malah bertompok-tompok. Perbandingan tompokan ini merujuk kepada lompatan rusa yang sudah tentu kerja-kerja pembakaran tersebut harus dilaksanakan sekali lagi dengan lebih sempurna.
<i>Nok lernur bakou</i>	<i>Sebatang rokok</i>	Bahasa kiasan ini digunakan dengan merujuk kepada jarak yang ditujui atau lokasi sesuatu tempat yang boleh sampai dalam masa yang sama dengan menyedut sebatang rokok.
<i>Sempak paser</i>	<i>Selontar pasir</i>	<i>Sempak paser</i> atau <i>selontar pasir</i> merujuk kepada jarak yang dekat berbanding dengan sebatang rokok.
<i>Nok laknik atau nok periuk</i>	<i>Sekuali nasi atau seperiuk nasi</i>	Bahasa kiasan yang digunakan bagi menggambarkan tempoh masa yang diambil bagi sesuatu urusan yang dilakukan. Tempoh masa pekerjaan itu digambarkan dengan tempoh masak nasi seperiuk atau sekuali.
<i>Selah leu atau nget leu</i>	<i>Buluh layu atau buluh hangus</i>	Penggunaan buluh di sini juga melambangkan tempoh masa yang digunakan. Buluh merupakan alat yang digunakan untuk memasak nasi atau makanan tradisional. <i>Selah leu</i> merujuk kepada perubahan warna buluh daripada hijau yang dilayur bertukar menjadi warna putih. Tempoh <i>nget leu</i> lebih lama dengan merujuk kepada buluh yang berwarna kehijauan bertukar menjadi tompokan hitam atau hangus pada bahagian luarnya.

Bahasa kiasan yang digunakan bagi menunjukkan simbol jarak, masa dan keluasan ini menunjukkan keadaan yang sama dengan aktiviti seharian yang dijalankan oleh masyarakat Semai. Sudah tentu dalam membentuk kata kiasan, masyarakat ini mengamati sesuatu perubahan yang berlaku dan ditafsirkan dalam kehidupan seharian mereka. Dalam hal ini, jangkaan sesuatu kerja dapat disiapkan dalam tempoh yang dianggarkan melalui

persamaan yang dibuat melalui kegiatan yang telah mereka (masyarakat) lakukan seharian. Ini membolehkan ahli masyarakat mengatur pekerjaan mereka agar lebih berfokus.

ii. Bahasa kiasan sebagai gambaran sifat atau keadaan

Bahasa kiasan dalam masyarakat Semai yang menggambarkan keadaan kecantikan wanita serta sifat ahli masyarakat digambarkan secara halus melalui kias ibarat yang ditonjolkan melalui sifat-sifat tumbuhan-tumbuhan yang melilit, mengurai ataupun yang ditanam dalam tanah. Begitu juga dengan sifat manusia, sifat positif yang digambarkan merujuk kepada sesuatu tabiat alam ataupun haiwan yang boleh dijadikan sebagai contoh teladan serta sifat negatif yang seharusnya dihindari dalam kehidupan bermasyarakat. Bahasa kiasan yang menggambarkan sifat atau keadaan dinyatakan dalam bahasa kiasan berikut;

Kecantikan wanita dan sifat manusia

Bahasa Kiasan	Makna	Keterangan
<i>Isi hubik</i>	Isi keledak	<i>Isi hubik</i> atau isi keledak digunakan sebagai bahasa kiasan bagi menggambarkan kecantikan wajah wanita setelah disolek.
<i>Sooq bungak palei</i>	Rambut bunga bayas	Bunga bayas adalah sejenis bunga spesies palma yang mengurai bunganya. Digunakan sebagai bahasa kiasan bagi menunjukkan kecantikan rambut ikal mayang seorang wanita sebagaimana bunga bayas.
<i>Ser ren wok teli</i>	Rias batang pisang putih	Rias batang pisang merujuk lapisan dalaman batang pisang yang putih bagi menggambarkan seorang wanita yang berkulit putih.
<i>Sumbak ku moh</i>	Kesumba warna merah	Kesumba sejenis tumbuh-tumbuhan yang mengeluarkan warna merah dalam tempoh yang tertentu yang digambarkan kepada kemewahan dan kecantikan wanita yang tidak akan kekal selamanya.
<i>Raha pok</i>	Macam ayam	Bahasa kiasan ini digunakan bagi menggambarkan sifat rajin ayam yang mencari rezeki sejak awal pagi lagi.
<i>Ce'os sood</i>	Kayu api kering	Penggunaan bahasa kiasan <i>ce'os sood</i> ini melambangkan seseorang yang mudah memberi pertolongan atau bantuan.
<i>Tehol abok</i>	Tiup habuk	Penggunaan <i>tehol abok</i> digunakan kepada seseorang yang membuat kerja dengan kemas, teliti sehingga tidak boleh dipersoalkan mengenai kualiti kerja yang dilakukannya.
<i>Tok entaq</i>	Tiada telinga	Bahasa kiasan yang menggambarkan seseorang yang sukar untuk mendengar nasihat dan pandangan orang lain.
<i>Pek ber eij wet</i>	Tiada tali perut	Dalam ungkapan Melayu dinyatakan tidak berhati perut dan gambaran ini membawa maksud tidak mempunyai belas kasihan terhadap orang lain.

<i>Cap bed</i>	Makan tidur	Merujuk kepada seseorang yang malas bekerja
<i>Sentak tentok</i>	Ekor burung	Bahasa kiasan yang merujuk kepada seseorang yang tiada pendirian sendiri hanya suka mengikuti telunjuk orang lain.
<i>Sengik tajuk</i>	Hati ular	<i>Sengik tajuk</i> merujuk kepada seseorang yang cepat panas baran tanpa usul periksa.
<i>Le-em le-em moh gau</i>	Lembut-lembut hidung babi	Merujuk kepada keadaan seseorang yang lemah lembut dan ada kalanya tingkahlakunya lebih kasar daripada orang lain.
<i>raha rau</i>	Macam kera	Bahasa kiasan yang merujuk kepada seseorang yang sangat kedekut.
<i>raha-weoi</i>	Macam mawas	Merujuk kepada seseorang yang tidak mempunyai rumah kediaman kerana malas berusaha

Bahasa kiasan yang digambarkan bagi menerangkan keadaan kecantikan wanita serta sifat manusia secara negatif mahupun positif sebagai satu panduan agar tidak membangga diri atas kecantikan yang dimiliki sebaliknya sentiasa bersyukur dengan sifat yang ada. Seterusnya mengenai sifat positif serta negatif ditonjolkan dalam bentuk perlakuan haiwan serta tumbuh-tumbuhan agar dapat dijadikan teladan dan seharusnya sifat yang negatif perlu dihindarkan.

iii. Bahasa kiasan sebagai gambaran jati diri masyarakat Semai

Apabila menyentuh soal-soal jati diri, sudah tentu tidak dapat dipisahkan dengan budaya dan kebudayaan yang melingkari kehidupan bermasyarakat yang memerlukan stratifikasi sosial dari segi kepimpinan dan adat resam sebagai jati diri yang perlu dihormati dan dipatuhi bersama-sama dalam membentuk keteraturan sosial. Masyarakat berperanan dalam membentuk sosio budaya yang diperoleh daripada proses pembudayaan dan masyarakat. Dalam kajian ini, diperlihatkan bagaimana bahasa kiasan menggambarkan persoalan jati diri kepimpinan masyarakat serta adat serta kepercayaan yang dimiliki bersama-sama sebagai satu pematuhan yang harus diikuti oleh segenap lapisan masyarakat. Seseorang manusia dalam masyarakatnya mengenal jati dirinya dapat memenuhi tuntutan kehidupan bukan untuk tujuan keseronokan tetapi berupaya menggunakan seluruh potensi akal dan qalbunya membina kehidupan yang sejahtera, harmonis serta cinta akan kedamaian. Bahasa kiasan masyarakat Semai yang merujuk kepada persoalan jati diri kepimpinan serta adat dan kepercayaan dinyatakan seperti berikut;

Bahasa Kiasan	Makna	Keterangan
<i>Karap-i-kit, karap i-kuliu</i>	Karam di pangkal rakit semuanya karam	Dalam kepimpinan, bahasa kiasan ini menjelaskan tentang kesilapan seorang pemimpin dalam membuat keputusan menyebabkan orang bawahannya juga akan menerima akibatnya.
<i>Bah bergul</i>	Lelaki berjasa	<i>Bah bergul</i> merupakan simbol kepada lelaki yang menjadi tonggak atau pemimpin kepada masyarakat serta mempunyai banyak jasa kepada masyarakat setempat. Secara mudahnya seseorang yang boleh diharapkan dalam masyarakatnya.
<i>Mai raknak</i>	Orang tua	Kata kiasan <i>mai raknak</i> merujuk kepada seseorang yang amat penting dalam masyarakatnya dalam

		membuat sesuatu keputusan khasnya dalam perbincangan adat dan hal ehwal komuniti masyarakat setempat.
<i>Nnyong enit</i>	Ambil buruk	<i>Nnyong enit</i> ini merupakan satu sumpah yang dibuat atas sesuatu perkara atau tidak akan melakukan perkara yang sama atau tidak akan memijak lagi ke sesuatu kawasan atas kesalahan bergaduh dengan seseorang.
<i>Ngecat reis</i>	Putus hati	Bahasa kiasan ini merujuk kepada seseorang yang membuat janji dan tidak boleh ditarik balik atas janji-janji yang telah dibuatnya.
<i>Rahnah cok</i>	Tarik rotan	Merujuk kepada kata pemutus dalam sesuatu perbincangan yang tidak boleh ditarik atau dipertikaikan lagi.
<i>Telak maluk</i>	Lihat kemaluan	Bahasa kiasan yang menggambarkan seseorang yang dijatuhi hukuman duduk atau berdiri dalam keadaan tunduk seolah-olah memandang kepada kemaluannya sendiri.
<i>Bermat</i>	Mata yang tajam	<i>Bermat</i> membawa gambaran kepada kehebatan bomoh sebagai perantaraan dengan kuasa ghaib yang boleh melihat dan tahu gerak geri makhluk halus.
<i>Tekreg</i>	<i>Pecah pantang</i>	Bahasa kiasan ini digunakan iaitu boleh membawa maut kepada seseorang pesakit jika menggunakan Tok Halaq yang lain semasa dalam tempoh berubat dengan Tok Halaq dari kampung atau kawasan sendiri.

Berdasarkan contoh-contoh tersebut, memperlihatkan nilai jati diri budaya struktur dalaman masyarakat Orang Asli Semai, iaitu mempunyai satu sistem nilai yang memberi jati diri wadah dalaman masyarakat dan menjadi teras dalam kehidupan masyarakat. Jika nilai secara universal merupakan faktor penggerak, mempengaruhi perlakuan dan tindakan maka apa yang dapat dilihat ialah masyarakat Semai juga menggunakan akal budi dan merasa serta perasa kepada kepentingan orang lain dalam masyarakatnya serta masyarakat orang lain. Namun begitu, untuk mengatur kehidupan secara beretika dan harmonis maka gambaran bahasa kiasan digunakan sebagai perlambangan jati diri adat dan kepercayaan serta penghormatan dalam kepimpinan untuk melahirkan masyarakat yang berbudi sesuai dengan gambaran jati diri yang dizahirkan melalui bahasa kiasan ini.

Kesimpulan

Manifestasi minda masyarakat Semai yang digarap melalui bahasa kiasan memperlihatkan tentang masyarakat yang berakal dengan menggunakan akal budi dan budi bicara dalam setiap tindak tanduk perbuatannya. Sebagai satu pancaran minda dalam bahasa kiasan telah diperlihatkan bahawa penerapan nilai budi menghasilkan masyarakat yang halus, berhati mulia, berakal serta bijak sana serta perlu menjadi contoh ikutan atau teladan. Dalam memperlihatkan gambaran minda, bahasa kiasan yang diperlihatkan kepada perlakuan haiwan, tumbuh-tumbuhan, alam sekitar dijadikan sebagai panduan yang terbaik kerana hubungan yang harmonis ini pastinya melahirkan kesan yang mendalam. Keadaan ini menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli walaupun berada di jajaran Titiwangsa ataupun tinggal dalam kelompok yang terasing, nilai hubungan baik dengan alam sentiasa dijaga. Penggunaan bahasa kiasan yang berunsurkan alam dan budaya dalam kajian ini telah menampakkan dengan jelas betapa hubungan manusia dan alam sekeliling itu amat penting dalam kehidupan mereka.

Dalam aspek unsur alam, kajian ini menunjukkan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai banyak menggunakan haiwan dan tumbuh-tumbuhan sebagai teras analoginya dalam kebanyakan bahasa kiasan mereka. Manakala dalam aspek unsur budaya mereka telah menggunakan pengalaman yang mereka lalui dalam kehidupan mereka seharian seperti memburu, bercucuk tanam, memasak, membuka kawasan pertanian atau penempatan baru sebagai teras analoginya. Penggunaan unsur alam dan budaya tersebut merangkumi kata kiasan membawa kedua-dua makna iaitu makna yang positif dan makna yang negatif. Namun, sama ada kata kiasan membawa makna positif atau makna yang negatif, masyarakat Orang Asli suku kaum Semai menganggap bahasa kiasan merupakan salah satu garis panduan dalam kehidupan mereka seharian. Menurut Dentan (1979), orang dewasa kelihatannya dikawal melalui pendapat umum. Masyarakat Orang Asli suku kaum Semai sendiri menyatakan "*Tidak terdapat pihak berkuasa di sini kecuali rasa malu*". Justeru dalam konteks manifestasi minda, sifat malu membentuk keteraturan hidup ialah hidup dengan penuh berbudi, hidup penuh hikmah, nilai hidup harmonis sentiasa dijunjung sebagai pengalihan nilai budi yang digambarkan melalui bahasa kiasan yang mengambil ibarat perlakuan tumbuh-tumbuhan, haiwan dan alam sekitar sebagai panduan hidup masyarakat.

Rujukan

- Abd. Rahim Abd. Rashid (2001) *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Abdullah Yusof & Ahmad Kamil Ghazali (1996) Kognisi dan hubungannya dengan bahasa. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40 (2), 164-173.
- Bakkar, Sj. J.W.W (1984) *Filasafat Kebudayaan: Sebuah Pengantar*. Jakarta. Kanisus
- Darian, Steven (2001) Peranan bahasa kiasan dalam teks sains peringkat pengenalan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 1 (1), 55-86.
- Dentan, Robert Knox (1979) *The Semai: A Nonviolent People of Malaya*, Fieldwork Edition, Case Studies in Cultural Anthropology. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Ding Choo Ming (2009) Beberapa sifat, asal-usul dan kepengarangan peribahasa Melayu. *Sari – Internasional Journal of the Malay World an Civilization*, 27(2), 326.
- Erikson, Thomas Hylland (2001) Lain padang, lain belalang (Terj.) Mohamad Yusoff Ismail. *Pengantar Antropologi Sosial dan Budaya*. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia dalam http://folk.uio.no/geirthe/Antropologi_sosial.html
- Fanany, Ismet & Rebecca (2003) *Wisdom of the Malay Proverbs*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goh Sang Seong (2010) Persamaan Lambang dalam Terjemahan Peribahasa Bahasa Melayu-Bahasa Mandarin dalam Looi Siew Teip et al. (eds). *Found in Translation*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya.
- Hashim Awang A. R. (1998) *Budaya & kebudayaan: Teori, isu dan persoalan*. Kuala Lumpur: Citra Budaya
- Harris, Marvin (1996) *The Rise of Anthropological Theory*. New York: Aldine.
- Hood Salleh (1978) *Semelai Ritual of Curing*. D. Phil. Thesis. University of Oxford.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (2008) *Data Maklumat Asas*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia.
- Kamus Dewan*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2003) *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Semai, Peringkat 1 Tahun 3 dan 4*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Lim Hin Fui (1997) *Orang Asli Forest and Development*. Kuala Lumpur: Forest Research Institute Malaysia.
- Mohd. Taib Osman (1975) *Warisan Puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Rasdi Saamah, Achom Luji (2012) *Peribahasa Orang Asli Suku Kaum Semai (Lembah Jelai)*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.
- Muhammad Haji Salleh (1986) *Cermin diri*. Petaling Jaya: Fajar Bakti
- Nik Safiah Karim (1992) *Beberapa persoalan sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramle Abdullah (1993) *Semaq Beri: Komuniti Orang Asli di Terengganu*. Kuala Terengganu: Kolej Agama Sultan Zainal Abidin.
- Rajie Hadi (1995) Bahasa dan fikiran: hubungan antara struktur lahir dengan struktur batin. *Jurnal Dewan Bahasa*, 39 (11), 1017-1023.
- Rosta Harun, Zaidi Hassan & Azizi Muda (2002) Masyarakat Melayu dan etika alam sekitar. Prosiding Simposium Melayu Malaysia, 24-25 Ogos 2002. 466-472. Persatuan Kakitangan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roswita Silalahi (2005) Metafora dalam bahasa Batak toba. *Jurnal Ilmiah Bahasa dan Sastra*, 1 (2), 96-100.
- Schensul, S. L., Schensul, J. J. & LeCompte, M. D. (1999) *Essential ethnographic methods: ethnographer's toolkit*. New York: Altamira Press.
- Zainal Abidin Borhan (1994) *Konsep Orang dalam masyarakat Melayu*. Kertas kerja Forum UM-USU, 20-22 Disember 1994 anjuran Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.